



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel:06-2895000  
Faks:06-2345201 / 5202 / 5207  
Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(A)/MEL/69 Jld. 7 (12)  
Tarikh : 3 November 2021  
Bersamaan : 27 Rabiulawal 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN INTERIM BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Jabatan ini telah ditugaskan untuk menyelaras penyediaan kertas kerja sokongan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (Akruan) oleh PTJ-PTJ di negeri Melaka bagi Tahun Kewangan 2021. Untuk makluman tuan jua, Penyata kewangan ini akan disediakan mengikut segmen Pegawai Pengawal untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara.

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan adalah diminta untuk melengkapkan dan menandatangani borang pengesahan **baki seperti pada 30 September 2021** bagi setiap kod akaun (sehingga sub siri) untuk semua kod vot/dana di bawah PTJ tuan yang mempunyai transaksi di dalam tahun 2021 seperti berikut:

Bil	Item Penyata Kewangan	Kod Akaun	Laporan Portal	Borang Pengesahan	Tatacara Penyediaan
a	Inventori	A0620000 - A0736999	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/Ekuiti	Lampiran C2	Lampiran 1
b	Deposit Bayaran	A0520000 - A0599999	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti	Lampiran D4(A) Lampiran D4(B)	Lampiran 2
c	Wang Pendahuluan Kontraktor	A0591101	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti	Lampiran C4	Lampiran 3
d	Terimaan Tak Ditunai	A0311101	Laporan Daftar Cek Tak Laku	Lampiran C5	Lampiran 4
e	Akaun Belum Terima (ABT)	A048xxxxx	Laporan Invois Terperinci	Lampiran E5 Lampiran E5a	▪ Lampiran 5-1 ▪ Lampiran 5-2
f	Aset Belum Bayar	L013xxxxx	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti	Lampiran C4	Lampiran 6
g	Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset	L0191103	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti	Lampiran C5	Lampiran 7

Bil	Item Penyata Kewangan	Kod Akaun	Laporan Portal	Borang Pengesahan	Tatacara Penyediaan
h	Deposit	L11xxxxx	Laporan Ringkasan Hasil/Belanja/Aset/ Liabiliti/ Ekuiti dan Laporan Kedudukan Baki Subsidiari / Laporan Terimaan Terdahulu dan Deposit	Lampiran C2	Lampiran 8

4. Borang pengesahan baki yang telah lengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan dua salinan (2) kepada Jabatan ini selewat-lewatnya pada 11 November 2021.

5. Tatacara penyediaan dan borang pengesahan boleh dijana melalui pautan <https://drive.google.com/drive/folders/1KByMvDg1grUxuZ19F0fdyj43Yg-qq42I?usp=sharing>

6. Sila hubungi pegawai kami seperti berikut sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan:

- i. Mohd Fadzil bin Mohd Yusoff 06 – 289 5059
- ii. Siti Nadia binti Atan 06 – 289 5060

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR AZIRA BINTI ABD RAHMAN C.A.(M))**

b.p. Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka